

KANDUNGAN

**JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB
LISAN YANG TIDAK DIJAWAB DI DALAM DEWAN
(SOALAN NO. 8 HINGGA NO. 82)**

F MAC 2017

NOTA: [RUJUK PENYATA RASMI HARIAN (HANSARD)]

**NURELFIRA BINTI MOHD DAUD
SEKSYEN PERUNDANGAN & PROSIDING
PARLIMEN MALAYSIA**



**MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KELIMA,
PARLIMEN KETIGA BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. MUJAHID BIN
YUSOF
[PARIT BUNTAR]**

TARIKH : 7.3.2017 (SELASA)

SOALAN : 8

minta **MENTERI KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN
WILAYAH** menyatakan adakah pihak Mara akan terus
menaja para pelajar ke luar negara dalam bidang-bidang
kritikal seperti perubatan dan pergigian.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman YB, MARA masih meneruskan penajaan pelajar ke luar negara dalam bidang kritikal seperti perubatan dan pergigian.

Sehingga kini terdapat 9,871 orang pelajar tajaan MARA di luar negara. Daripada jumlah tersebut seramai 3,100 orang terdiri daripada pelajar dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi.

Manakala untuk tahun 2017, MARA mensasarkan akan menaja seramai 450 orang pelajar cemerlang di dalam dan luar negara dalam bidang perubatan, pergigian dan farmasi.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK AGO ANAK DAGANG @ AARON
[KANOWIT]**

TARIKH : 7 MAC 2017

SOALAN :

Datuk Ago Anak Dagang @ Aaron minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan apakah langkah-langkah yang berkesan untuk mengatasi masalah tenaga kerja / buruh di ladang sawit di Malaysia, yang juga memberi impak besar terhadap mini-estate dan pekebun kecil.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sektor perladangan sawit negara adalah sektor yang berintensifkan buruh terutamanya di peringkat hulu. Bagi tahun 2016, sektor ini telah menggaji seramai 431,357 pekerja. Daripada jumlah tersebut, seramai 332,135 pekerja terdiri daripada tenaga kerja asing. Pelbagai usaha telah dilaksanakan bagi mengoptimumkan penggunaan tenaga kerja tempatan di sektor ini. Antara langkah-langkah yang telah dilaksanakan adalah:

- i. usaha untuk menarik pekerja tempatan melalui pelaksanaan gaji minimum iaitu RM1,000 sebulan di Semenanjung dan RM920 di Sabah, Sarawak dan Labuan bagi semua sektor pekerjaan termasuk di sektor perladangan. Majikan juga digalakkan untuk mengambil bahagian di dalam karnival kerjaya di seluruh negara yang dilaksanakan dari semasa ke semasa;
- ii. menubuhkan Pusat Latihan Sawit Malaysia (PLASMA) untuk melatih belia-belia tempatan sebagai persediaan untuk menceburi industri sawit. Sehingga Disember 2016, seramai 2,341 orang telah menerima latihan di pusat tersebut dan dianggarkan 76 peratus daripadanya telah menceburi industri sawit;
- iii. menggalakkan penggunaan mesin atau jentera di sektor perladangan terutamanya bagi aktiviti penuaian dan pemungutan Buah Tandan Segar kerana aktiviti tersebut memerlukan paling

ramai pekerja. Untuk itu, Kerajaan telah memperuntukkan sejumlah RM4.5 juta di bawah RMK11 bagi melaksanakan Skim Galakan Mekanisasi Industri sawit (OPIMIS). Di bawah skim tersebut, pihak ladang akan mendapat diskaun sehingga 20 peratus bagi setiap jentera yang dibeli untuk kegunaan di ladang sawit;

- iv. menganjurkan *International Competition on Oil Palm Mechanisation* (ICOPM) sejak tahun 2014 dengan tawaran hadiah utama bernilai USD1 juta. Pertandingan ini bertujuan untuk mendapatkan teknologi dan inovasi baharu berkaitan industri sawit yang boleh dikomersilkan; dan
- v. menggalakkan penyelidikan yang berterusan dalam penjenteraan industri sawit dengan mewujudkan Dana Mekanisasi Sawit berjumlah RM30 juta. Dana ini akan digunakan untuk tujuan pembiayaan penyelidikan mengenai penjenteraan di pusat penyelidikan dalam dan luar negara, perolehan teknologi penjenteraan dan juga untuk tujuan penganjuran pertandingan penciptaan jentera untuk kegunaan di ladang sawit. Adalah diharapkan melalui penyelidikan dan pertandingan ini, lebih banyak jentera yang kompetitif dapat direkacipta dan diguna pakai bagi mengurangkan penggunaan tenaga buruh.

Tuan Yang di-Pertua,

Selain langkah-langkah tersebut, Kementerian juga akan terus mengadakan perbincangan dengan pihak industri untuk mengenalpasti langkah-langkah jangka panjang bagi mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

Sekian, terima kasih.

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB. DATO' NGEH KOO HAM
KAWASAN : BERUAS
TARIKH : 7 MAC 2017, SELASA

SOALAN:

YB. DATO' NGEH KOO HAM minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan berapakah kos untuk projek naik taraf jalan dari Damar Laut, Manjung ke Simpang, Taiping dan sehingga hari ini berapa jumlah telah diperuntukkan. Nyatakan bila projek ini dimulakan dan bila ia dijangka siap.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, skop Projek Menaik Taraf Jalan Persekutuan FT60 dari Damar Laut ke Changkat Jering, Taiping melibatkan naik taraf jalan sedia ada kepada laluan 4 lorong 2 hala sepanjang 70km. Anggaran keseluruhan kos projek ini sebanyak RM1.15 bilion. Namun demikian pelaksanaan projek ini telah dipecahkan kepada 5 pakej, iaitu seperti berikut:

- **Pakej 1** dari Kg. Batu Tiga ke Segari (11km);
- **Pakej 2** dari Segari ke ke persimpangan Kg. Sungai Tuntong / Kg. Matang Acheh (17.5km); di mana ia dipecahkan lagi kepada 2 sub-pakej seperti berikut:
 - **Sub Pakej 2A** dari Segari ke Kg. Tebok Yan (6km); dan
 - **Sub Pakej 2B** dari Kg. Tebok Yan ke persimpangan Kg. Sungai Tuntong / Kg. Matang Acheh (11.5km).
- **Pakej 3** dari Kg. Sungai Tuntong / Kg. Matang Acheh ke Batu Hampar (8.5km);
- **Pakej 4** dari Batu Hampar ke Terong (22km); di mana ia dipecahkan lagi kepada 2 sub-pakej seperti berikut:
 - **Sub Pakej 4A** dari Batu Hampar ke Kg. Padang Gajah (11km); dan
 - **Sub Pakej 4B** dari Kg. Padang Gajah ke Terong (11km); dan
- **Pakej 5** dari Terong ke Changkat Jering (11km).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Unit Perancang Ekonomi di Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) telah memutuskan projek ini dilaksanakan secara berfasa berikutan ia melibatkan kos projek yang tinggi. Sehubungan itu dalam RMKe-11 ini pihak UPE, JPM telah bersetuju meluluskan peruntukan bagi melaksanakan Pakej 1 dan Sub Pakej 2A terlebih dahulu. Pakej 1 ialah merujuk kepada laluan dari Kg. Batu Tiga ke Segari sepanjang 11km dengan kos kontrak sebanyak RM143 juta; manakala Sub Pakej 2A pula ialah dari Segari ke Kg. Tebok Yan sepanjang 6km. dengan kos kontrak sebanyak RM104.5 juta.

Pada masa kini kedua-dua kontrak tersebut (Pakej 1 dan Sub Pakej 2A) baru sahaja memulakan pembinaan – iaitu sejak akhir tahun lalu - dengan kemajuan semasa di tapak ialah sekitar 6% dan dijangka akan siap dalam tempoh 24 bulan (Disember 2018). Manakala untuk pakej-pakej lain yang belum dimulakan, tender akan dipanggil sebaik sahaja kementerian ini menerima pengesahan peruntukan dari pihak UPE, JPM.

Sekian. Terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN

MESYUARAT PERTAMA, DEWAN RAKYAT

PENGGAL KELIMA, PARLIMEN KETIGA BELAS

MAJLIS MESYUARAT DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 07 MAC 2017 (SELASA)

SOALAN :

Puan Rubiah Binti Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan langkah dan usaha Kerajaan bagi menggalakkan wanita menyertai dan kembali dalam bidang pekerjaan dan kerjaya bagi mengelakkan pembaziran guna tenaga mahir di kalangan wanita dan seterusnya membantu keluarga menghadapi tekanan kos sara hidup yang terus meningkat terutama ketika negara menuju ke arah menjadi negara maju.

JAWAPAN: YB DATO' SRI ROHANI ABDUL KARIM, MENTERI
PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN
MASYARAKAT

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian sentiasa memberi komitmen untuk meningkatkan penglibatan wanita dalam pembangunan negara bagi mengelakkan pembaziran guna tenaga mahir di kalangan wanita. Kerajaan melihat usaha ini adalah penting kerana kadar penyertaan tenaga kerja wanita di Malaysia pada suku ketiga 2016 adalah di tahap 54.2% berbanding lelaki iaitu 80.1%.

Di sektor informal pula, pada tahun 2015, 49.1% daripada jumlah keseluruhan 1.4 juta penduduk yang bekerja di sektor informal adalah wanita.

Menyedari hakikat ini, Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMKe-10) telah menetapkan sasaran untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita dari 47.9% pada tahun 2011 kepada 55% pada tahun 2015. Perbincangan strategik ini adalah tepat pada

masanya untuk menjadikan Malaysia sebuah negara berpendapatan tinggi menjelang 2020 di bawah Program Transformasi Ekonomi.

Objektif untuk meningkatkan kadar penyertaan tenaga kerja wanita ini telah diteruskan dalam Rancangan Malaysia Kesebelas (Ke-11) di mana sasaran baru adalah untuk mencapai penyertaan 59% wanita dalam tenaga kerja pada tahun 2020.

Antara inisiatif yang telah dirangka oleh Kerajaan dalam usaha untuk meningkatkan peningkatan penyertaan wanita dalam tenaga kerja adalah seperti berikut:

- (i) Meningkatkan akses kepada Penjagaan dan Pendidikan Awal Kanak-kanak (ECCE) dengan menggalakkan penambahan pusat jagaan dan pendidikan awal kanak-kanak yang berkualiti di komuniti, tempat kerja awam dan swasta. Apabila terdapat ECCE yang efektif, wanita akan dapat menyertai pasaran tenaga kerja dengan tenang;
- (ii) Melipatgandakan persekitaran kerja yang lebih kondusif dengan memastikan sistem sokongan terhadap wanita dalam menyertai bidang pekerjaan dapat dipenuhi dengan menggalakkan amalan kerja dan kehidupan yang seimbang (*work life balance*), amalan

kerja anjal (*flexible working arrangements*) termasuk pilihan untuk bekerja dari rumah;

- (iii) Memperluaskan akses kepada pekerjaan melalui Program *1Malaysia Support for Housewives (1MS4H)* yang merupakan salah satu initiative *National Blue Ocean Strategy (NBOS)*. Program ini bertujuan untuk mewujudkan peluang pekerjaan bagi suri rumah daripada isi rumah berpendapatan rendah (LIH) melalui program Pendaftaran dan Penempatan Suri Rumah Melalui Portal Jobs Malaysia;
- (iv) Memperluas program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp untuk menggalakkan wanita yang berkelayakan yang telah keluar dari tenaga kerja disebabkan komitmen keluarga untuk kembali bekerja melalui kerjasama dengan pihak swasta;
- (v) Insentif pengecualian cukai bagi majikan yang menyertai program “kembali bekerja” seperti yang dilaksanakan oleh TalentCorp;
- (vi) Program-program pengupayaan ekonomi wanita dan pengupayaan kapasiti melalui bimbingan perniagaan bagi membantu wanita untuk menjalankan perniagaan seperti Inkubator Keusahawanan Wanita, Jejari Bestari dan Projek Teksi Wanita; dan

(vii) Penganugerahan *Life at Work Awards* yang dilaksanakan dengan kerjasama, TalentCorp bagi mengiktiraf majikan yang mempunyai amalan kerja mesra keluarga di tempat kerja.

Dengan adanya inisiatif-inisiatif seumpama ini, Kerajaan mensasarkan kadar penyertaan wanita dalam tenaga kerja dapat terus ditingkatkan dan seterusnya membantu keluarga menghadapi tekanan kos sara hidup yang terus meningkat terutama ketika negara menuju ke arah menjadi negara maju.